



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17/12/2018

ANUGERAH IJAZAH KEDOKTORAN KEHORMAT DARIPADA UNIVERSITI RANGSJT

# PM terharu penghormatan

BH - 17/12/2018 m/s 2

→ Dr M terima anugerah pada majlis konvokesyen di Bangkok

► Bangkok

**P**erdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menerima ijazah kedoktoran kehormat dalam kepemimpinan sosial, perniagaan dan politik daripada Universiti Rangsit (RUS) Thailand di kampus induknya di daerah Mueang Pathum Thani, 30 kilometer dari sini.

Dr Mahathir dianugerah ijazah kehormat itu pada majlis konvokesyen ke-34 universiti itu di mana 5,950 graduannya turut menerima ijazah.

Perdana Menteri adalah tokoh umum berprofil tinggi keempat yang dianugerah ijazah kedoktoran kehormat oleh universiti berkenaan selepas mendiang Puteri Srinagarindra (aka Somdet Ya); Raja Bhutan Jigme Khesar Namgyel Wangchuck (2009) dan Perdana Menteri Jepun, Shinzo Abe (2016).

Majlis penganugerahan berwarna-warni berlangsung penuh tradisi, dengan Dr Mahathir dipersilakan ke bilik resepsi dan disarungkan jubah kedoktoran baldi merah serta hitam.

Isteri Perdana Menteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut diberi penghormatan memakai jubah baldi biru serta merah dan mengiringi suami ke atas pentas.



Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah bersama Dr Arthit pada majlis anugerah ijazah kedoktoran kehormat daripada Universiti Rangsit di Bangkok, semalam.

Majlis itu dimulakan dengan nyanyian *Negaraku* dan lagu kebangsaan Thailand oleh 40 anggota Orkestra RUS di bawah pimpinan Vanich Potavanich.

### Puji pencapaian negara

Ini diikuti penyampaian ucapan sanjungan oleh Presiden RUS, Dr Arthit Ourairat yang memuji pelbagai pencapaian Malaysia di bawah kepemimpinan Dr Mahathir dan perjuangan beliau menentang ketidakadilan sosial serta ekonomi bagi semua.

Beliau turut menyentuh usaha Dr Mahathir memulihkan ekonomi negara termasuk mendapatkan semula kekayaan yang hilang akibat skandal 1MDB.

Selepas menyampaikan ucapan sanjungan itu, Arthit menyerahkannya kepada Dr Mahathir topi akademik kedoktoran, sijil serta sebuah plak.

Ia disusuli dengan ucapan Dr Mahathir di mana beliau

berkata: "Saya berasa terharu dengan pengiktirafan ini dan berbesar hati untuk menerima penghormatan ini sebagai Perdana Menteri Malaysia dan bagi pihak negara saya. Saya sesungguhnya amat menghargai pengiktirafan ini dan saya akan berusaha untuk terus menyumbang kepada rakyat Malaysia dan negara di seluruh dunia.

"Saya gembira kerana diberi peluang untuk berucap kepada pelajar universiti ini, anda semua adalah pemimpin hari esok dan harapan bagi generasi masa depan," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau mengambil maklum bahawa RUS telah bergerak ke arah menjadi sebuah universiti penyelidikan dan berharap agar kerjasama dapat dijalin antara RUS serta universiti di Malaysia.

Selepas ucapan itu berakhir, lagu berjudul *Dreamland Will Shine* yang ditujukan khas buat Dr Mahathir didendangkan

oleh Areeya Rotajanadit.

Susunan muzik dikendalikan dekan konservatori muzik RUS Dr Denny Euprasert dengan guubahan melodi oleh beliau sendiri manakala lirik pula hasil nukilan Pisamai Chandavimol.

Lirik lagu itu berkisar mengenai usaha dan pengorbanan seorang pemimpin yang berdedikasi.

Pada sidang akhbar selepas itu, Dr Mahathir berkata beliau bukan sahaja berasa terharu, bahkan turut mengagumi lagu yang ditujukan khas buat beliau, sesuatu yang baharu bagi dirinya jika dibandingkan dengan pelbagai sanjungan yang diterimanya sehingga kini.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir juga berkata beliau berpuas hati dengan peranan yang dimainkan fasilitator Malaysia, Tan Sri Abdul Rahim Noor, dalam rundingan damai bagi menamatkan kitaran keganasan di selatan Thailand.

BERNAMA